

Francis juara Orang Kuat UMS

► Menafikan cabaran lapan peserta lain sempena Tamu Gadang

UB 2011-2014 A14

Oleh VITALIS
G. BINGKASAN

KOTA KINABALU: Francis Abi menafikan cabaran lapan peserta lain untuk muncul juara Cabaran Orang Kuat Tamu Gadang Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 22 November lalu.

Disaingi sengit oleh Andy Gerald dan Md Hairollani Ahat tetapi menjuarai dua dari empat cabaran yang dipertandingkan menyaksikan kemenangan berpihak kepada Francis dengan kutipan keseluruhan 45 mata.

Francis yang mewakili Kolej Tiara Sulaman memanfaatkan kelebihan dalam cabaran kegemarannya, Tire Flip dan Atlas Stone dengan mengutip 12 mata dalam setiap acara itu manakala dalam cabaran Car Deadlift beliau



PESERTA dan pegawai Cabaran Orang Kuat UMS.

mengutip 10 mata dan 11 mata dalam cabaran York Walk.

Andy (Penampang) terpaksa berpuas hati di kedudukan kedua dengan 40 mata. Beliau


mengutip 11 mata dalam cabaran Car Deadlift dan Tire Flip serta sembilan mata dalam cabaran York Walk dan Atlas Stone.

Peserta Sarawak, Hairollani memberi saingan sengit dengan menjuarai cabaran York Walk untuk mengutip 12 mata dan berkongsi jumlah kutipan mata tertinggi 11.5 dengan Mazri Sital (Kudat) dan Andoro Bandang (Penjara Sabah) dalam cabaran Car Deadlift serta 9.5 mata dalam cabaran Tire Flip.


Bagaimanapun beliau ketinggalan dalam cabaran Atlas Stone.

Andy (Penampang) terpaksa berpuas hati di kedudukan kedua dengan 40 mata. Beliau mengutip 11 mata dalam cabaran Car Deadlift dan Tire Flip serta sembilan mata dalam cabaran York Walk dan Atlas Stone.

Bagaimanapun beliau ketinggalan dalam cabaran Atlas Stone.



JUARA Orang Kuat UMS Francis sedang mengharungi cabaran York Walk.



HAIROLLANI dalam cabaran Atlas Stone.

ANDY sedang mengharungi cabaran Tire Flip.

enam mata memaksanya beliau sekadar berpuas hati menduduki tempat ketiga dengan keseluruhan 39 mata.

Di tangga keempat adalah Alfred Maga-

Stone dengan kutipan terendah

bis (Kudat - 37.5 mata) diikuti Andoro Bandang (35 mata), Mazri Sital (32.5 mata), Jumiat Syam (Putatan - 21.5 mata) dan Mohd Houveri (Brunei - 21.5 mata).

Kordinator Pertandingan Roger Frederick berkata, kejohanan itu julung kali diperkenalkan di UMS.

"Walaupun julung kali dianjurkan di UMS, ia berjaya menarik perhatian pengunjung Tamu Gadang UMS. Saya harap acara ini akan terus mendapat tempat dalam acara tahu-

nan UMS," katanya sambil berterima kasih kepada UMS kerana memberi tempat kepada cabaran itu.

Menurutnya, cabaran di UMS itu tidak memaksimumkan cabaran kepada peserta kerana biasanya cabaran itu melibatkan lapan cabaran dan memerlukan dua hari untuk ditamatkan.

Apapun katanya, pengumuman cabaran itu di UMS adalah promosi terbaik bagi sukan lasak itu dan beliau percaya ianya akan lebih meriah pada masa akan datang.